

RENCANA

PADA November 2016, saya dan isteri sedang bercuti di Amerika Syarikat semasa pilihan raya Presiden Amerika sedang berlangsung, dengan Encik Donald Trump bersaing dengan Cik Hillary Clinton.

Pada hari pilihan raya pada 8 November, saya memandu dari Chicago ke Door County di pesisir Tasik Michigan.

Tempatnya terletak di kawasan yang terpencil.

Saya berhenti untuk mengisi minyak dan berbual dengan juruwang, seorang wanita pertengahan umur.

"Anda sudah keluar mengundi?" tanya saya.

"Ya," katanya.

Tanpa ditanya, beliau memberitahu saya bahawa beliau mengundi Encik Trump.

"Saya tidak boleh tahan dengan orang yang melakukan pedofilia yang kejam itu," tambahnya.

Apabila saya melihatnya dengan wajah yang tidak menunjukkan perasaan, beliau berkata:

"Anda tak dengarkah? (Cik) Hillary Clinton mengendali sindiket seks kanak-kanak di Washington DC."

Itu kali pertama saya mendengarnya tetapi saya berkata kepadanya:

"Takkanlah anda percaya dengan cerita itu."

"Pastinya saya percaya! Cerita itu di mana-mana di Internet," katanya.

Saya senyum, ambil baki wang saya dan meninggalkan tempat itu.

Apabila kami tiba di motel kami, saya mencari di Google dan ternyata, cerita Cik Clinton dan sindiket *paedophile* yang beroperasi dari sebuah restoran piza di Washington DC tular di media sosial.

Namun ini tentunya berita palsu dan maklumat salah yang disengajakan.

Saya menyingkap cerita ini untuk menunjukkan apa yang saya maksudkan sebagai bahagian suram Internet.

Maklumat salah disengajakan ini yang tular - ia dikongsi di Twitter 1.4 juta kali - mungkin menyebabkan Cik Clinton tewas dalam pilihan raya itu dan Encik Trump menjadi Presiden.

EKOSISTEM AKSES TERBUKA, TADBIR URUS DENGAN SENTUHAN RINGAN

Terdapat dua ciri utama Internet yang ingin saya tekankan.

Pertama, sifat seni binanya yang terbuka dari segi akses.

Kecuali China, yang telah mengenakan firewall yang ketat, kebanyakan negara lain membenarkan Internet terbuka bagi rakyatnya.

Akses terbuka ini telah menghasilkan banyak manfaat namun tiada kawalan ke atas kandungan yang berbahaya atau melanggar undang-undang, yang akan saya bincangkan sebentar nanti.

Jalan tengah yang wajar harus dicapai, daripada pendekatan yang tiada kompromi.

Ciri keduanya ialah Internet secara umumnya tidak dikawal.

Tiada pihak berkuasa kawal selia Internet di mana-mana dan tiada jua struktur kawal selia sendiri yang rasmi.

Tadbir urus dengan sentuhan ringan ini turut tempas kepada pengawasan syarikat Internet, termasuk wadai Teknologi Besar atau *Big Tech* yang mempunyai jangkauan yang besar dan oleh itu mempunyai banyak kuasa untuk melakukan kebaikan dan bahaya.

Wadai Internet Amerika khususnya diberi imuniti keseluruhan hebat berhubung kandungan pihak ketiga dalam Seksyen 230 Akta Kesopanan Perhubungan Amerika 1996.

Menurut Seksyen itu, tiada penyedia atau pengguna khidmat komputer interaktif boleh dianggap sebagai penerbit atau pihak yang mengucap sebarang maklumat yang disampaikan oleh penyedia kandungan maklumat yang lain.

Ertinya jelas dan ini sering dirujuk sebagai "26 perkataan yang mewujudkan Internet".

Imuniti yang diberi oleh Seksyen 230 ini unik kepada Amerika.

Tiada negara lain - termasuk negara Eropah, Canada, Jepun dan lain-lain - mempunyai undang-undang serupa.

Oleh kerana wadai Internet seperti Google dan Facebook merupakan entiti global, adalah sukar atau mustahil bagi negara individu mengawal mereka.

Usaha kawal selia sendiri oleh syarikat Internet juga hampir tidak wujud.

Hasilnya, Internet dilihat sebagai Wild West (ruang tidak terkawal) bagi kapitalisme yang dipacu keuntungan.

Lebih teruk lagi, pelaku yang berniat jahat telah mengambil kesempatan ke atas akses terbuka dan tadbir urus dengan sentuhan ringan ini, dengan kebanyakannya daripada mereka tidak dihukum atau dilepaskan dengan hukuman ringan sahaja.


SISI SURAM INTERNET

Seperti yang saya katakan mula-mula tadi, saya benar-benar percaya bahawa model tadbir urus global memerlukan semakan mendalam dengan segera. Bahaya lebih besar adalah ia tidak boleh menyetujui satu lagi keruntuhan dot-com.

Selain itu, saya sendiri seorang yang banyak menggunakan Internet dan telah berbuat demikian selama beberapa dekad. Jadi saya seorang peminat, peminat tulen. Secara ringkas, mesej saya adalah: Kita mesti secara bersama menangani golongan yang berniat jahat dan memulihkan kepercayaan dan integriti.

Izinkan saya senaraikan dua keprihatinan khusus sebelum saya bercakap lebih lanjut mengenainya.

(1) Yang pertama adalah kebanjiran maklumat salah yang disengajakan yang saya sebutkan pada permulaan hujah saya. Ini termasuk ekstremisme malah subversi di platform Internet. Izinkan saya jelaskan bahawa saya bukan hanya bercakap tentang pandangan dan pendapat semata-mata, ia hak bagi semua orang. Saya bercakap mengenai penyebaran fakta salah yang disengajakan.



RAIH MANFAAT DARIPADA INTERNET: Encik Patrick Daniel menarik perhatian pentingnya Singapura dibimbing dalam konteksnya sendiri untuk hasilkan pendekatan tadbir urus bagi meraih manfaat maksimum daripada Internet dalam satu ceramah baru-baru ini. - Foto INSTITUT PENGAJIAN DASAR

Perlu pendekatan seimbang, bersepadu tadbir urus Internet

(2) Isu kedua adalah penipuan, pemalsuan dan jenayah siber yang kini berleluasa di banyak bahagian Internet. Saya kemudian, akan menggunakan sebagai kajian kes, ekosistem pengiklanan digital, untuk menunjukkan bagaimana satu sistem yang cukup cantik dirosakkan oleh penipuan.

MAKLUMAT SALAH YANG DISENGAJAKAN

Saya akan mulakan dengan maklumat salah yang disengajakan. Isunya adalah kandungan berbahaya yang berligar-ligar di Internet.

Saya kembali ke kancah pedofilia. Baru-baru ini, saya membaca artikel penyiasatan dalam majalah *Rolling Stone* yang menceritakan bagaimana seorang wartawan mengikuti jejak digital dan mengenal pasti orang yang menyiarkan berita palsu ini di akun Facebooknya menggunakan nama lain. Percaya atau tidak, dia seorang pegawai wanita berusia 60 tahun di Missouri. Seperti yang saya katakan awal tadi, dalam lima minggu, pos yang dibuatnya telah dikongsi sebanyak 1.4 juta kali di Twitter oleh sebanyak siku juta akaun. Tetapi tidak ada apa-apa berlaku padanya dan rasanya dia mungkin masih mengamalkan undang-undang.

Tetapi seorang lelaki berusia 28 tahun dari Carolina Utara yang membaca tentang sindiket seks kanak-kanak itu, telah memandu sehingga ke restoran piza di DC, bersejatakan senapang, untuk menyelamatkan kanak-kanak yang didakwa diculik itu. Dia gagal menemui mereka, tetapi melepaskan tiga das tembakan. Dia kemudian ditangkap, didakwa dan dihukum penjara selama empat tahun.

Jadi seorang melakukan jenayah, seorang lagi tidak. Isunya sudah tentu adalah kebebasan bersuara. Tidak kira sama ada ia maklumat palsu, kerosakan yang diakibatkan atau siapa yang akhirnya dijatuhi hukuman penjara, kebebasan bersuara pegawai wanita itu tidak boleh diganggu. Suka atau tidak, itulah undang-undang di Amerika.

Jadi saya beralih kepada satu perkara berkaitan: Keangnan platform sesawang seperti Facebook menyederhanakan kandungan web mereka.

Untuk bersikap adil, kedua-dua Facebook dan Twitter menubus diri mereka sendiri apabila mereka mengeluarkan Donald Trump daripada platform mereka kerana secara terus-terusan mengulangi Pembohongan Besar kononnya kemenangan beliau dalam pilihan raya yang lalu dicuri. Tetapi ini adalah satu strategi sia-sia. Apa yang diperlukan adalah semakan asas ke atas undang-undang dan mencari jalan tengah untuk menangani perbuatan menyalahguna.

Ini lebih diperlukan di negara-negara membangun yang tidak mahir berbahasa Inggeris, seperti di Afrika, seperti yang disifatkan dalam satu artikel *Guardian*, bahawa Facebook adalah Internet. Walaupun ia amat diperlukan dalam kehidupan harian seharian besar orang Afrika, pendirian Facebook mengenai kesederhanaan telah membawa kepada bukan sahaja penyalahgunaan, bahkan keganasan dan kacau-bilau.

Pada Oktober tahun lalu, CNN melaporkan bahawa Facebook sedar platformnya di Habsyah digunakan untuk menghasut keganasan, tetapi ia tidak mengambil sebarang tindakan.

Di Bangladesh, dua pos bersifat mengapi-

api di Facebook tahun lalu menjadi tular dan menyebabkan orang Islam menyerang ratusan rumah dan kuil Hindu. Di Myanmar, kaum Rohingya mahu menyaman Facebook dengan mendakwa bahawa algoritmanya "meningkatkan ucapan kebencian terhadap penduduk Rohingya" dan bahawa ia "gagal melabur dalam moderator".

Kes-kes ini menimbulkan dua lagi bidang keprihatinan mengenai platform sesawang gergasi:

(a) Penggunaan robot web, atau bot, secara berleluasa untuk menyiarkan maklumat kurang tepat atau kandungan yang menghasut untuk memastikan ia menjadi tular.

(b) Penyasaran berasaskan algoritma, yang mewujudkan "ruang gema" bagi golongan yang ingin mencetuskan konspirasi, pelampau dan kumpulan terpolat lain. Sebaik sahaja mereka melihat minat, algoritma itu akan menyerang anda dengan hebat lagi.

SATU KAJIAN KES: PENGIKLANAN DIGITAL

Kebimbangan kedua saya berkaitan dengan penipuan, pemalsuan dan jenayah siber yang telah berleluasa di Internet. Daripada menangani setiap kes, saya akan gunakan pengiklanan digital sebagai kajian kes untuk mengetengahkan isu tersebut.

Pengiklanan digital di Internet adalah satu ekosistem pemasaran besar, dipacu data, sangat automatik dengan ribuan pemain. Tetapi ini bukan ekosistem biasa.

Anda telah melihat bagaimana pengiklanan digital mendorong pertumbuhan besar syarikat gergasi teknologi. Bagi mereka, perniagaan mereka hampir sepenuhnya mengenai pengiklanan digital.

Bagi Google, 80 peratus pendapatannya diperoleh daripada satu sumber ini, menurut laporan tahunan 2020 mereka. Bagi Facebook, ia adalah 98 peratus.

Sesiapa yang faham tentang pengurusan risiko akan tahu betapa besarnya risiko perniagaan ini. Seluruh masa depan mereka bergantung kepada pengiklanan digital.

Biar saya nyatakan perkara utama saya. Daripada AS\$455 bilion (\$618 bilion) yang dibelanjakan secara global bagi pengiklanan digital pada 2021, 14 peratus adalah pemalsuan iklan membabitkan laman web palsu. Syarikat Statista menganggarkan pemalsuan iklan akan mencecah AS\$100 bilion menjelang 2023, atau 17 peratus pengiklanan digital global. Ini jumlah penipuan yang besar.

Peratusannya juga semakin meningkat, bermakna masalah semakin teruk. Saya ingin menjelaskan sedikit tentang di mana dan bagaimana penipuan ini berlaku.

Pasaran Internet yang menunjukkan kuasa sebenar adalah dalam apa yang dipanggil "pembelian iklan terprogram".

Di sinilah pengiklan boleh membuat pesanan membeli ruang iklan daripada pemilik laman web melalui pertukaran iklan berkomputer menggunakan sistem pembidaan masa nyata.

Apa yang berlaku adalah, apabila pembaca mengklik pada satu laman web, isyarat dihantar serta-merta ke bursa iklan. Pembidaan masa nyata bermula, dan iklan pembida tertinggi dimuat naik secara automatik ke laman web tersebut.

Perkara menakutkan ialah, ini berlaku pada kelajuan amat cepat. Sebelum anda mengelip mata, ia adalah wang yang mudah diperolehi dan (d) penyangak boleh terlepas daripadanya.

Untuk menamatkan kajian kes kecil ini, saya akan mengatakan begini: Jika penipuan pengiklanan digital adalah sebanyak 1-2 peratus, ia boleh dianggap sebagai kelemahan kecil sistem.

Tetapi apabila tahap penipuan adalah 20 peratus, dan setinggi 50 peratus dalam pengiklanan terprogram, ia tidak boleh diterima.

Menurut data mulai 2017, 56 peratus daripada jumlah dolar pengiklanan dalam wadai terprogram pergi ke laman web palsu. Ini adalah laman yang dibuat penipu yang menggunakan bot untuk mencipta pembaca palsu.

Semua trafik pengguna yang mereka laporkan adalah "trafik bukan manusia", seperti yang digelar dalam perniagaan itu. Jadi jika pengiklan membayar \$10,000 pengiklanan, kurang separuh akan pergi ke laman tulen. Penipu dengan laman web palsu akan mengambil yang lain.

Anda mungkin bertanya: Mengapa tiada siapa menyemak sama ada laman itu tulen atau palsu? Ingat, Internet ialah sistem akses terbuka, di mana siapa sahaja boleh membuat laman web. Apa yang anda perlukan ialah alamat IP dan nama domain.

Dan jika anda tahu cara menulis kod dan menjana beberapa bot jahat, anda boleh mencatatkan seberapa banyak trafik bukan manusia yang anda perlukan dan memperdayakan sistem pembelian iklan automatik.

Apa yang sukar untuk saya faham ialah mengapa sistem automatik yang cemerlang itu begitu mudah ditipu, dan mengapa tiada sesiapa telah menemui cara menghapuskan bot jahat dan trafik bukan manusia. Ini jelas merupakan perkara yang lebih banyak perlu dilakukan.

Bahkan, penipu kini meniru laman web penerbit bermutu yang mengenakan harga premium bagi ruang iklan mereka. Ini dikenali sebagai "pemalsuan domain".

Pada 2017, *Financial Times* (FT) mendapati ada penipu yang menjual impresi FT palsu serta inventori video yang tidak mereka miliki. Inventori palsu itu dijual pada harga AS\$1.3 juta sebulan, yang disifatkan pengarah operasi iklan FT sebagai "menakutkan".

Perbezaan di sini ialah bukan sahaja pengiklan tertipu, bahkan FT juga kehilangan pendapatan yang sepatutnya diterima.

Bagi melengkapi kes kajian ini, saya harus menambah bahawa beberapa pengiklanan, seperti pengiklanan video, dikenakan harga mengikut bilangan klik. Tidak menghairankan, "penipuan klik" juga telah menjadi amalan meluas, sama ada menggunakan menggunakan bot atau "tentera manusia" berbayar.

Menurut Adobe, pada 2018, 28 peratus trafik klik adalah daripada "isyarat bukan manusia". Untuk iklan video, penipuan klik ialah 22 peratus.

Anda boleh melihat dengan mudah bahawa penipuan iklan berkembang pesat kerana: (a) saiz pasaran pengiklanan digital yang besar;

(b) ia sangat menguntungkan;

(c) ia adalah wang yang mudah diperolehi dan;

(d) penyangak boleh terlepas daripadanya.

Untuk menamatkan kajian kes kecil ini, saya akan mengatakan begini: Jika penipuan pengiklanan digital adalah sebanyak 1-2 peratus, ia boleh dianggap sebagai kelemahan kecil sistem.

Tetapi apabila tahap penipuan adalah 20 peratus, dan setinggi 50 peratus dalam pengiklanan terprogram, ia tidak boleh diterima.

APAKAH JALAN PENYELESAIAN BAGI TADBIR URUS INTERNET?

Bagi saya, isunya adalah tadbir urus. Saya tidak bermaksud peraturan pemerintah, walaupun ini pastinya sebahagian daripada cabaran dan huraiannya. Apa yang jelas bagi saya adalah suatu pendekatan kerjasama yang meluas diperlukan. Saya bersetuju dengan mereka yang mengatakan bahawa ini adalah di antara isu dasar awam yang paling mendesak pada zaman ini. Tentunya saya

tidak mempunyai penentuannya, tetapi saya boleh cuba menggariskan isu-isu ini dan apa pilihan yang ada.

Kira-kira enam tahun lalu, iaitu pada 2016, Menteri Ehwah Luar, Encik Vivian Balakrishnan, telah membuat ucapan yang bernas dalam satu persidangan keselamatan. Ketika itu beliau selaku Menteri Bertanggungjawab bagi Inisiatif Negara Bijak dan beliau bercakap tentang peri perluannya "membuat kajian semula yang mendalam tentang topik yang paling rumit," satu daripadanya adalah mengenai Internet.

Beliau berkata: *Anda lihat, masalahnya ialah kegelimasan di peringkat awal Internet diperkenalkan. Ramai orang yang impikan mendapat kebebasan sepenuhnya dan ruang yang tidak diatur, dengan kebebasan sebenar-benarnya untuk menyatakan apa sahaja, berupaya mengurus secara rahsia merentas sempadan, dan menghimpun orang untuk apa jua tujuan tanpa diganggu atau diintip oleh agensi-agensi keselamatan. Itulah impian sebahagian daripada golongan perintis Internet.*

Tetapi, saya percaya adanya dikotomi (pembahagian) palsu antara dunia nyata dan dunia siber. Saya percaya kita sebenarnya hanya mempunyai sebuah dunia - dunia berdaya teknologi dan apa yang ada dalam ruang siber memberi kesan sebenar ke atas dunia nyata, dan lebih cepat kita menangani isu dasar yang rumit ini adalah lebih baik, kerana kita perlu mewujudkan keseimbangan yang betul. Kita sebenarnya hidup dalam dunia yang tidak tenang.

Saya setuju sepenuhnya dengan Dr Balakrishnan. Kita hanya mempunyai sebuah dunia, kita harus mendapatkan keseimbangan yang betul, lebih cepat kita menangani isu-isu tadbir urus yang rumit itu adalah lebih baik, dan kita ini hidup dalam masa-masa kesusahan.

KEMUNGKINAN SENARIO MASA DEPAN

Saya juga telah meneliti satu laporan tahun 2016 oleh Suruhanjaya Tadbir Urus Internet, berjudul "Satu Internet." Tajuk pada ringkasan laporan itu berbunyi: "Masa depan Internet seperti di hujung tanduk." Laporan itu dengan yakin menyatakan: "Internet yang kita ketahui (pada 2016) tidak akan sama dengan Internet pada masa depan."

Laporan itu seterusnya memberikan tiga kemungkinan senario pada masa depan, dari yang paling buruk hingga yang ideal:

(1) **Senario Paling Buruk:** Satu ruang siber yang bahaya dan bercecaru. "Internet yang ini rosak di bawah pengawasan kita." Kerosakannya disebabkan oleh tindakan kombinasi khianat penjenayah dan kesankes-kesan peraturan pemerintah yang lajai bagi Internet. Orang tidak akan mahu menggunakan Internet justeru potensinya hilang.

(2) **Senario Kedua:** Pertumbuhannya ditekang, tidak seimbang dan berlainan pula hasilnya. Di sini, sebahagian pengguna "mendapat bahagian dividen digital yang tidak seimbang" sementara yang lain pula tidak dapat menggunakannya. Tetapi dunia ikut terkeliru.

(3) **Senario ideal:** Kemajuan luas yang belum pernah terjadi sebelumnya. Penerimaan teknologi baru berdaya Internet seperti kereta tanpa pemandu dan blockchain. Pemerintah dan industri bekerjasama rentas sempadan bagi menangani risiko kegiatan dalam talian, dan memastikan agar Internet terbuka, selamat, jujur dan inklusif untuk semua orang.

Laporan itu merumuskan dengan menyatakan masa depan yang optimistik ini hanya akan tercapai sekiranya ada, dan saya tukil "persetujuan universal untuk bersama-sama mewujudkan suatu pakatan sosial yang akrab" tentang Internet.

Saya khuatir, saya sama sekali tidak yakin tentang pakatan universal sosial baru yang akrab ini.

MENENTUKAN CARA KITA SENDIRI BAGI MASA DEPAN

Apa malangnya maksud ini adalah Singapura harus menentukan cara sendiri bagi masa depannya, berpancukan ciri-cirinya sendiri. Bagi melaksanakannya, ia mesti berusaha mendapatkan "dividen digital" yang maksimum dengan memikirkan tadbir urus Internet yang terbaik.

Panduan terbaik selanjutnya yang boleh saya sarankan adalah:

(1) Kita perlukan pendekatan yang seimbang dan bersepadu terhadap tadbir urus Internet.

(2) Kita perlu membangun sebuah masyarakat yang kental terhadap pengaruh buruk Internet.

(3) Kita perlu kekal fokus bagi Internet yang terbuka, selamat, jujur dan inklusif bagi semua rakyat kita dan para penduduknya. Inilah cabaran tadbir urus Internet yang kita hadapi. Seperti yang saya katakan, ini harus segera dimulakan bagi menanganinya sebagai sebuah negara dan sebuah masyarakat.